

## BAB 4

### KAEDAH-KAEDAH INGGAR

### KONTRAK YANG DINOVASI

#### 4.1 KEADAAN INGGAR

- (a) Pusat Penjelasan hendaklah memulakan apa-apa tindakan di bawah Kaedah 4.2 sekiranya suatu Peserta Penjelasan Perdagangan gagal, atau kelihatan tidak berupaya, atau berkemungkinan menjadi tidak berupaya, untuk memenuhi obligasi Peserta Penjelasan Perdagangan yang berkaitan dengan semua atau apa-apa Kontrak Yang Dinovasi yang belum diselesaikan, dengan Peserta Penjelasan Perdagangan sebagai salah satu pihak.
- (b) Untuk tujuan subkaedah (a) tetapi tanpa mengehendkan keluasan maknanya, Peserta Penjelasan Perdagangan disifatkan telah gagal, atau kelihatan tidak berupaya, atau berkemungkinan menjadi tidak berupaya, untuk memenuhi obligasinya yang berkaitan dengan semua atau apa-apa Kontrak Yang Dinovasi yang belum diselesaikan, dengan Peserta Penjelasan Perdagangan ialah satu pihak dalam keadaan jika, *inter alia*:-
- (i) lesen Peserta Penjelasan Perdagangan digantung atau dibatalkan oleh Suruhanjaya atau telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui oleh Suruhanjaya;
  - (ii) Peserta Penjelasan Perdagangan gagal mematuhi atau menyelesaikan apa-apa obligasi kewangannya yang berkaitan dengan yang berikut:
    - (aa) suatu Kontrak Yang Dinovasi, caruman kepada CGF atau Margin, menurut atau di bawah Kaedah-kaedah ini atau Kaedah-kaedah Bursa; atau
    - (bb) obligasi kewangan yang serupa di bawah kaedah dan peraturan mana-mana bursa atau pusat penjelasan lain, dengan Peserta Penjelasan Perdagangan ialah peserta atau ahli;
  - (iii) Peserta Penjelasan Perdagangan gagal membayar apabila perlu dibayar apa-apa jumlah yang perlu dibayar dan kena dibayar, atau selainnya ingkar di bawah terma apa-apa pinjaman atau perjanjian lain yang berkaitan dengan keterhutangan Peserta Penjelasan Perdagangan, atau mengancam atau mencadangkan untuk menggantung, menghentikan, menunda atau menjadualkan semula pembayaran atau melakukan keingkaran di bawah terma pinjaman atau perjanjian sedemikian;
  - (iv) Peserta Penjelasan Perdagangan tidak solven, atau tidak berupaya membayar hutangnya apabila kena dibayar, atau bankrap atau petisyen penggugungan dikemukakan ke atasnya, atau suatu notis cadangan bagi resolusi untuk penggugungan Peserta Penjelasan Perdagangan diberikan, atau pengaturan sukarela diluluskan oleh Mahkamah untuk kepentingan pemiutang, atau penyerahhkan atau komposisi dibuat oleh Peserta Penjelasan Perdagangan untuk kepentingan pemiutangnya atau mana-mana satu daripadanya, atau Pusat Penjelasan menganggap, menurut budi bicara mutlaknyanya bahawa kejadian apa-apa peristiwa sedemikian atau yang setara dengannya adalah pasti atau berkemungkinan berlaku dalam mana-mana bidang kuasa;

- (v) pelikuidasi, penerima, pengurus, pemegang amanah, penerima pentadbiran atau pegawai yang serupa dilantik, atau suatu komposisi atau skema pengaturan diluluskan oleh Mahkamah terhadap Peserta Penjelasan Perdagangan atau penyerahhkan atau komposisi dibuat oleh Peserta Penjelasan Perdagangan untuk kepentingan pemiutang atau mana-mana satu daripadanya, atau Pusat Penjelasan menganggap, menurut budi bicara mutlaknyanya bahawa kejadian apa-apa peristiwa sedemikian atau yang setara dengannya adalah pasti atau berkemungkinan berlaku dalam mana-mana bidang kuasa;
  - (vi) satu resolusi untuk penggulungan Peserta Penjelasan Perdagangan (melainkan untuk tujuan penggabungan atau pembentukan semula) diluluskan atau perintah kebangkrapan atau penggulungan dibuat; atau
  - (vii) apa-apa distres, pelaksanaan atau proses lain dilevikan atau dikuatkuasakan atau dikemukakan ke atas atau terhadap apa-apa harta atau aset suatu Peserta Penjelasan Perdagangan.
- (c) Apabila berlaku mana-mana keadaan yang ditetapkan dalam Kaedah 4.1(b), Pusat Penjelasan hendaklah berhak, menurut budi bicaranyanya, pada bila-bila masa untuk mengisytiharkan bahawa satu Keadaan Ingkar telah berlaku dan untuk memberikan notis tentangnya kepada semua Peserta Penjelasan Perdagangan.

## 4.2 PROSIDING INKAR YANG BERKAITAN DENGAN KONTRAK YANG DINOVASI

- 4.2.1 (a) Apabila berlaku apa-apa Keadaan Ingkar di bawah Kaedah 4.1, Pusat Penjelasan boleh menyelesaikan Kontrak Yang Dinovasi Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar.
- (b) Untuk tujuan subkaedah (a), Pusat Penjelasan hendaklah menentukan jika Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar hendaklah membayar atau menerima apa-apa jumlah wang yang berkaitan dengan setiap Kontrak Yang Dinovasi sedemikian selepas mengambil kira semua hak dan liabiliti Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar, di bawah atau yang berkaitan dengan Kontrak Yang Dinovasi berkenaan dan semua perbelanjaan yang dirujuk dalam Kaedah 4.2.2.
- (c) Pusat Penjelasan hendaklah membolehkan semua jumlah wang yang kena dibayar oleh atau kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar sebagaimana yang ditentukan menurut subkaedah (b) diagregasikan atau ditolak selesai untuk menghasilkan suatu jumlah bersih, jika ada, yang kena dibayar oleh atau kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar;
- (d) Jika apa-apa jumlah bersih yang dirujuk dalam subkaedah (c) adalah kena dibayar oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar, Pusat Penjelasan boleh menolak selesai jumlah sedemikian terhadap mana-mana atau semua yang berikut termasuklah sekiranya relevan, hasil daripada realisasi mana-mana atau semua yang berikut:
- (i) Kolateral Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar;
  - (ii) Caruman Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar;
  - (iii) apa-apa harta lain Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar, yang tertakluk pada apa-apa lien yang memihak kepada Pusat Penjelasan; atau

- (iv) Sekuriti yang dihantARSERAHKAN oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar, dengan jumlah yang terhutang oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar yang berkaitan dengan pembelian bersih bagi Sekuriti sedemikian belum diselesaikan sepenuhnya,

sehingga menghasilkan jumlah bersih yang selanjutnya, jika ada, yang kena dibayar oleh atau kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar;

(e) [Dipotong]

- (f) Pusat Penjelasan hendaklah mengesahkan apa-apa jumlah bersih yang dirujuk dalam subkaedah (c) yang kena dibayar kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar, atau apa-apa jumlah bersih yang selanjutnya yang dirujuk dalam subkaedah (d) yang kena dibayar oleh atau kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar, mengikut mana-mana yang berkaitan, atau, jika tiada jumlah sedemikian, pengesahan oleh Pusat Penjelasan akan perkara tersebut.

4.2.2 Dalam melaksanakan fungsinya di bawah Kaedah 4.2.1, Pusat Penjelasan boleh mengambil semua atau mana-mana tindakan yang berikut atas perbelanjaan Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar, dalam apa-apa susunan, dengan serta-merta atau pada bila-bila masa lain yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan, dan tanpa keperluan untuk apa-apa notis lebih awal kepada atau keizinan Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar atau mana-mana orang lain:-

- (a) menutup semua Kontrak Yang Dinovasi bagi Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar mengikut apa-apa yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan sebagai harga pasaran semasa terbaik dan terma yang tersedia. Untuk tujuan subkaedah ini, "menutup" bermaksud melikuidasi Kontrak Yang Dinovasi yang berkuat kuasa dengan transaksi setara dan bertentangan.
- (b) melikuidasi harta Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar yang dipegang di bawah lien menurut Kaedah 5.16(a) atau Sekuriti yang dirujuk dalam Kaedah 4.2.1(d)(iv) dan untuk tujuan tersebut, yang berkaitan dengan Sekuriti, Pusat Penjelasan boleh memberikan arahan kepada Depositori Pusat untuk pemindahan Sekuriti bagi pelaksanaan ke dalam atau ke luar daripada akaun sekuriti yang relevan, termasuklah akaun penama.
- (c) [Dipotong]
- (d) [Dipotong]
- (e) Mengambil apa-apa tindakan lain yang disifatkan perlu untuk melindungi kepentingan Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Kontrak Yang Dinovasi, dengan Peserta Penjelasan yang ingkar merupakan salah satu pihak, atas perbelanjaan Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar dan jika sesuai atas nama Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar.
- (f) Melibatkan, di bawah terma dan syarat penglibatan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa, mana-mana orang untuk memberikan bantuan sebagaimana yang diperlukan atau ditentukan oleh Pusat Penjelasan dalam melaksanakan fungsi Pusat Penjelasan di bawah Kaedah 4.2. Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar hendaklah menanggung kos dan perbelanjaan bagi penglibatan orang sedemikian.

4.2.3 Untuk mengelakkan keraguan, tanpa mengambil kira Kaedah 6.13, Pusat Penjelasan boleh menentukan susunan permohonan dan menggunakan wang dan aset Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar (termasuklah Kolateral dan Caruman) yang telah didepositkan dengan atau yang tersedia kepada Pusat Penjelasan.

**BAB 4**

**SEKSYEN A**

**KAEDAH-KAEDAH INKAR**

[Dipotong]

## **BAB 4**

### **SEKSYEN B**

#### **KAEDAH-KAEDAH INGKAR**

##### **B4.1 PROSIDING INGKAR YANG BERKAITAN DENGAN TRANSAKSI BURSA SBL**

Apabila berlaku keingkaran oleh Peserta Penjelasan dalam Transaksi Bursa SBL, Pusat Penjelasan boleh memulakan apa-apa tindakan atau prosiding yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini atau Syarat-syarat SBL, yang memperuntukan pengambilan Prosiding Ingkar yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL.

## BAB 4

### SEKSYEN C

## KAEDAH-KAEDAH INKAR

#### C4.1 SEKSYEN AM

Pusat Penjelasan hendaklah apabila telah menyelesaikan Prosiding Ingkar di bawah Bab ini:

- (a) membuat laporan tentang Prosiding Ingkar tersebut yang mengandungi butiran sebagaimana yang dikehendaki dalam Seksyen 45(1) Akta; dan
- (b) menyerahkan laporan tersebut kepada:-
  - (i) Suruhanjaya;
  - (ii) mana-mana pemegang jawatan yang berkaitan yang bertindak bagi pihak Orang Ingkar, dengan laporan tersebut adalah berkaitan dengannya atau harta Orang Ingkar itu;
  - (iii) jika tidak ada pemegang jawatan yang berkaitan seperti dirujuk dalam subkaedah (b)(ii), Orang Ingkar dengan laporan tersebut adalah berkaitan; dan
  - (iv) mana-mana orang lain yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.